

10 SEP 1996

Vietnam-Lawatan

LAWATAN PENERUSI PERHIMPUNAN KEBANGSAAN VIETNAM PERERATKAN HUBUNGAN

Oleh: Ghazemy Mahmud

HANOI, 10 Sept (Bernama) -- Lawatan Pengerusi Perhimpunan Kebangsaan Vietnam, Nong Duc Manh, ke Malaysia, bermula hari ini, dijangka memperkukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara Asean itu.

Duta Malaysia ke Vietnam, Cheah Sam Kip, berkata lawatan lima hari Manh merupakan satu lagi perkara penting dalam hubungan antara kerajaan dengan kerajaan.

Beliau berkata adalah diharapkan lawatan pertama Manh itu, atas jemputan Speaker Dewan Rakyat Tan Sri Zahir Ismail, akan menjadi sebahagian daripada dimensi baru kerjasama antara kedua-dua negara.

Ia juga akan membolehkan kedua-dua negara lebih memahami satu sama lain, katanya kepada BERNAMA di sini. Zahir melawat Vietnam awal 1993.

Cheah berkata: "Kekukuhan perhubungan Malaysia-Vietnam bukan sahaja terletak pada kedudukan ekonomi Malaysia tetapi juga kerjasama dalam bidang lain serta interaksi antara rakyat."

Manh, yang merupakan anggota jawatankuasa eksekutif parti pemerintah, Parti Komunis Vietnam, mengetuai rombongan 15 anggota termasuk empat anggota Perhimpunan Kebangsaan, yang merupakan badan penggubalan undang-undang tertinggi negara itu.

Semasa di Malaysia, beliau dijadualkan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Zahir.

Selain mendengar taklimat di Unit Perancangan Ekonomi dan Institut Penyelidikan Perhutanan, pemimpin Vietnam itu juga akan melawat beberapa kawasan perindustrian termasuk kilang kereta Perodua dan kilang elektronik Sapura.

Malaysia merupakan pelabur asing terbesar ketujuh di Vietnam dengan pelaburan bernilai AS\$900 juta (RM2,250 juta) dalam 48 projek. -- BERNAMA

MGM NAK